



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PADA 13 MEI 2022

Tawaran adalah dipelawa kepada **syarikat-syarikat tempatan** yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	PERIHAL PENDAFTARAN SYARIKAT	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT
SH/ SUKNS/ BIL.9/ 2022	Perkhidmatan Pengurusan Kafeteria Di Kompleks Sukan Tan Sri Dato' Dr. Hj. Mohd Said Seremban 2 Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Peringatan : <i>Kehadiran Taklimat adalah diwajibkan. Sila bawa cop syarikat untuk pengesahan kehadiran. Hanya pemilik syarikat sahaja dibenarkan menghadiri taklimat. Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia adalah digalakkan untuk menyertai Sebut Harga</i>	<u>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA</u> i) Makanan Bemasak Islam/ Katering <u>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</u> (jika ada) i) Makanan Bemasak Islam (Kod - 040103)	19 Mei 2022 (Khamis) 10.00 pagi Kafeteria Kompleks Sukan Tan Sri Dato' Dr. Hj. Mohd Said Seremban 2, Negeri Sembilan

Dokumen Sebut Harga diberikan secara percuma pada waktu pejabat mulai 19 Mei 2022 (selepas sesi taklimat) hingga 25 Mei 2022 di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Pembekal dikehendaki membawa **SIJIL ASAL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)**, **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN (jika ada)** dalam kod bidang seperti di nyatakan dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA (jika ada)** yang dikeluarkan oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** semasa mengambil Dokumen Sebut Harga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus sebelum atau pada pukul 12.00 tengah hari, 26 Mei 2022 (Khamis)**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan mana-mana syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh ditetapkan tidak layak memasuki tawaran Sebut Harga.